

**TEKS UCAPAN**

**YB MUHAMMAD BAKHTIAR WAN CHIK  
TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA  
MALAYSIA  
SEMPENA  
MAJLIS PENUTUP PROGRAM PERDANA BERMALAM DI MUZIUM  
2019**

**31 OGOS 2019, 11.15 PAGI  
AUDITORIUM JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

---

**(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN OLEH PENGANJUR)**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Pagi**

**Salam Kemerdekaan, Salam Sayangi Malaysiaku**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah izin dan rahmat-Nya maka kita dapat berhimpun di sini pada hari ini untuk bersama-sama memeriahkan dan menjayakan **Majlis Penutup 'Program Bermalam di Muzium 2019'**.
2. Saya difahamkan tahun ini merupakan tahun ketiga program 'Bermalam di Muzium' dijalankan serentak di muzium-muzium seluruh negara, melibatkan 2,704 orang peserta dengan peserta paling ramai mencecah 200 orang telah berada dan bermalam di Muzium Negara.

Tahniah, saya ucapkan kepada Jabatan Muzium Malaysia (JMM) atas sambutan menggalakkan yang diterima untuk program ini sehingga saya diberitahu, ada permohonan yang terpaksa ditolak disebabkan tempat yang terhad. Sambutan yang cukup memberangsangkan ini adalah bukti keupayaan pihak muzium dalam menarik minat generasi muda kita untuk mendampingi khazanah sejarah, seni dan budaya negara.

**Hadirin yang dihormati dan adik-adik yang diraikan,**

3. Kita sedia maklum bahawa para pelajar yang berada di hadapan ini merupakan aset negara yang tidak ternilai harganya. Statistik menunjukkan daripada 32.6 juta jumlah penduduk di negara ini, 23.3% atau 7.6 juta adalah mereka yang berumur 14 tahun ke bawah manakala 70% atau 22.8 juta berusia antara 15 hingga 64 tahun dan selebihnya terdiri dari kumpulan umur 65 tahun ke atas. Masa yang semakin pantas berlalu akan sampai masa dan ketikanya generasi inilah seterusnya yang akan membawa hala tuju negara kita.
  
4. Bagaimanapun, perkara yang kerap menjadi persoalan kita adalah sejauhmana mereka bersedia untuk memikul tanggungjawab ini? Kerana kita tahu alam remaja merupakan satu alam yang sangat mencabar. Ada remaja yang berjaya melewati zaman ini dengan sangat baik sehingga berjaya meneruskan kehidupan di alam dewasa dengan cemerlang. Tidak kurang juga yang tewas kerana gagal

menyesuaikan diri dengan perubahan dan persekitaran dalam tempoh membentuk peribadi.

5. Semua pelajar di hadapan saya ini merupakan generasi pasca merdeka yang hidup dalam suasana aman dan makmur, jauh dari kesengsaraan yang dialami generasi terdahulu yang hidup dalam belenggu penjajahan. Jadi, adik-adik semua perlu sentiasa ingat kepentingan nikmat kebebasan dan kedaulatan negara yang kita semua ada pada ini dan menjadi tanggung jawab adik-adik semua untuk memastikan kemerdekaan tanah air tercinta ini akan terus kekal dan dipertahankan.
6. Dalam konteks ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya khususnya menerusi agensi-agensinya di bawahnya seperti Jabatan Muzium Malaysia, ASWARA, Jabatan Warisan Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Jabatan Arkib Negara, Istana Budaya, Balai Seni Negara dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) sentiasa berusaha mempertingkatkan inisiatif dari semasa ke semasa untuk mengadakan lebih banyak program dan aktiviti yang menasaskan secara khusus kepada golongan remaja.
7. Muzium misalnya mengambil inisiatif memperkenalkan program 'Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium' (IPIM) menerusi kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha memperkasakan mata pelajaran Sejarah di kalangan para pelajar. Ini merupakan usaha kita untuk mempersiapkan mereka ke arah mendepani segala cabaran

atas rasa tanggungjawabnya terhadap bangsa dan negara melalui penghayatan sejarah kerana kata pepatah "lebih banyak yang anda tahu tentang masa lalu, maka anda pasti lebih bersedia untuk masa depan" (*the more you know about the past, the better prepared you are for the future*).

### **Hadirin yang dihormati sekalian,**

8. Begitu juga dengan program kita pada hari ini, program 'Bermalam di Muzium' yang merupakan satu lagi 'signature program' muzium kita. Program yang dilaksanakan bersempena sambutan Bulan Kebangsaan ini mensasarkan golongan remaja secara khusus ke arah menyuburkan semangat dan jiwa merdeka. Bukan itu sahaja, program ini juga bertujuan memupuk apresiasi yang tinggi kepada warisan sejarah, seni dan budaya negara menerusi aktiviti permuziuman. Dan, melihat kepada kejayaan pihak JMM menyebarkan program ini ke seluruh negara menerusi kerjasama dengan muzium negeri, swasta dan institusi maka saya yakin program ini mampu memberi impak yang lebih besar ke arah memperkasakan barisan generasi muda negara.
  
9. Saya dimaklumkan program 'Bermalam di Muzium' pada tahun ini telah berjaya mencatatkan satu lagi rekod baru dalam Malaysia Book of Records bagi kategori **"Most number of participants wearing tengkolok for an educational programme night at the museum"**. Saya difahamkan ini merupakan kali ketiga program

'Bermalam di Muzium' mencipta rekod selepas tahun 2016 dan 2017. Syabas kepada Jabatan Muzium Malaysia, muzium-muzium yang terlibat serta semua pihak yang turut bersama menjayakan program ini khususnya kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), YEOS selaku penaja utama, Universiti Malaya (UM) serta tidak ketinggalan, para guru dan ibu bapa yang sentiasa memberi sokongan dan galakan kepada para pelajar untuk menyertai program ini. Saya harap semua "enjoy" dengan program yang telah dijalankan dan lain kali pastikan "join" lagi.

10. Sebagai Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya saya berharap semoga program ini dapat diperluaskan lagi pada masa-masa akan datang dengan penyertaan yang lebih besar menerusi kerjasama erat di antara Jabatan Muzium Malaysia dan muzium-muzium yang ada di seluruh negara. Begitu juga saya mengharapkan kerjasama yang berpanjangan bukan sahaja dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tetapi juga dari pihak-pihak swasta yang boleh membantu memberi sumbangan untuk menjayakan program ini tidak kiralah sama ada dalam bentuk kewangan, barangan atau sukarelawan. Sokongan dan sumbangan anda sememangnya amat bermakna dalam menjayakan hasrat kerajaan ke arah membangun nilai budaya positif dalam kalangan generasi muda kita pada hari ini.
11. Kepada semua pelajar yang ada di hadapan saya pada hari ini, saya ucapkan syabas dan tahniah atas penyertaan anda dalam program ini. Saya percaya, adik-adik semua berpotensi mencorakkan masa depan

yang lebih baik untuk tanahair kita. Ketahuilah betapa saya dan dan semua yang ada di sini terutama sekali para guru amat menyayangi dan mengambil berat tentang anda. Hargai diri anda. Jadilah anak muda yang sentiasa bersemangat, yakin dengan kemampuan diri sendiri serta berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

12. Akhir kata, bagi menyempurnakan majlis ini, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim menutup **PROGRAM "BERMALAM DI MUZIUM 2019"**.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah w.b.t, terima kasih.